

## KEPENTINGAN KARYA SASTERA SEBAGAI ALTERNATIF TERAPI JIWA DALAM PEMBENTUKAN MASYARAKAT INSANIAH

### *THE IMPORTANCE OF LITERARY WORKS AN AS ALTERNATIVE TO SPIRITUL THERAPY IN THE FORMATION OF SOFT SKILLS*

**Rosnani Ripin<sup>1</sup> & Amrina Rasyada Kamaruzaman<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> Pusat Khidmat Akademik, Kolej Univerisiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS) Kota Bharu, Kelantan, rosnani@kias.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Kolej Univerisiti Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra(KIAS), Kota Bharu, Kelantan, amrina.rasyada93@gmail.com

#### *Abstract*

*Every individual now recognizes the importance of mental therapy in society, given the increasing prevalence of stress, mental illness, and suicide symptoms. Counseling sessions, motivation, and religious guidance conducted by certain parties are necessary, as are mental treatment efforts to support the integrity of a person's soul. This study identifies the attributes of sakinah (calmness) and its connection with the elements of soul therapy in characters in selected novels, namely Imam Markisa and Doa Insan Berkasih by Aminah Mokhtar. This study employs qualitative and literary methods, applies Takmilah Theory to both books, and demonstrates the elements of mental therapy derived from the discovery of the sakinah's qualities. The identification of soul therapy elements in the novels' characters has the potential to infuse the readership with a sense of spirituality. As a result, creative works with Islamic elements have become a necessity and are highly relevant to the primary reading material other than the Quran. Additionally, schools can use it as a literary component (Komsas).*

**Keywords :** *Mental Therapy, Attributes of Sakinah, Islamic Novel*

#### ABSTRAK

Kepentingan terapi jiwa dalam masyarakat kini menjadi satu keperluan kepada setiap insan memandangkan gejala stres, penyakit mental dan bunuh diri semakin meningkat dari semasa ke semasa. Sesi kaunseling, motivasi, bimbingan agama yang dijalankan oleh pihak tertentu adalah diperlukan serta usaha rawatan jiwa bagi menyokong keutuhan jiwa seseorang insan. Kajian ini mengenal pasti sifat-sifat sakinah (tenang) dan kaitannya dengan unsur-unsur terapi jiwa pada watak dan perwatakan dalam novel-novel terpilih iaitu novel Iman Markisa dan Doa Insan Berkasih karya Aminah Mokhtar. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dan kepustakaan serta mengaplikasikan Teori Takmilah pada dua novel tersebut, bagi memperlihatkan unsur-unsur terapi jiwa daripada penemuan sifat-sifat sakinah tersebut. Penemuan unsur-unsur terapi jiwa pada watak dan perwatakan dalam novel-novel tersebut akan menjadi suntikan jiwa khalayak pembaca. Justeru karya-karya kreatif berunsur Islam menjadi satu keperluan dan sangat relevan menjadi bahan bacaan utama selain al-Quran. Selain itu, ia boleh dijadikan sebagai komponen sastera (Komsas) dalam pendidikan di sekolah.

**Kata Kunci:** Terapi Jiwa, Sifat-Sifat Sakinah, Novel Islamik

#### **How to Cite:**

Received : 5-03-2024  
Accepted : 27-05-2024  
Published : 31-05-2024

Ripin, R., & Kamaruzaman, A. R. (2024). Kepentingan karya sastera sebagai alternatif terapi jiwa dalam pembentukan masyarakat insaniah. RABBANICA Journal of Revealed Knowledge, 5(1), 139-150.

## 1. Pendahuluan

Terapi jiwa dalam masyarakat menjadi satu keperluan kepada setiap insan memandangkan gejala stres, penyakit mental dan bunuh diri semakin meningkat dari semasa ke semasa. Justeru selain sesi kaunseling, motivasi, bimbingan agama yang dijalankan oleh pihak tertentu, terapi rawatan jiwa juga diperlukan bagi menyokong keutuhan jiwa seseorang insan dalam menghadapi cabaran hidup yang kian mencabar.

Hakikatnya rawatan terapi jiwa yang utama adalah rawatan dari al-Quran kepada semua insan. Kandungan al-Quran sarat dengan petunjuk Tuhan kepada manusia khususnya umat Islam sebagai panduan hidup. Kesempurnaan kitab al-Quran turut terkandung ayat-ayat suci sebagai penawar dan penenang hati bagi seseorang yang sedang merasakan kegelisahan atau keraguan dalam hidupnya. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ الَّذِينَ آمَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ ۗ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ ﴿٢٨﴾

Terjemahan :“(Iaitu) orang-orang yang beriman dan tenang tenteram hati mereka dengan zikrullah”. Ketahuilah dengan "zikrullah" itu, tenang tenteramlah hati manusia.”. (Surah Ar-Ra’ad: 28)

Ketenangan akan dicapai apabila sentiasa mengingati Allah walaupun dalam keadaan berbaring, berdiri, duduk. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَذْكُرُونَ اللَّهَ قِيَمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَذَا بَطْلًا سُبْحَانَكَ فَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٩١﴾

Terjemahan : (Iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring, dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan perkara ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka. (Surah Ali-Imran: 191)

## Definisi Terapi

Terapi yang berasal daripada Greek iaitu “Therapia” yang bermaksud perkhidmatan rawatan kepada pesakit dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu. Menurut Kamus Perubatan Mosby, terapi didefinisikan sebagai rawatan pemulihan ke atas pesakit yang pernah menghadapi sebarang penyakit dengan tujuan mengembalikan kefungsi badan secara normal. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2015), terapi merupakan rawatan bagi sesuatu penyakit fizikal atau mental secara proses pemulihan tanpa penggunaan ubat atau pembedahan.

Dalam konteks kajian ini, didapati proses terapi sendiri berlaku kepada pembaca melalui watak-watak yang diketengahkan. Terapi sendiri ini bagi menutup rasa malu daripada mendedahkan perihal diri kepada orang lain. Pembaca dididik, dibimbing, dan dikaunseling melalui unsur-unsur ketenangan (sifat-sifat sakinah) yang ditemui melalui pembacaan karya-karya yang berunsur Islam. Jika watak yang bersifat mahmudah patut diteladani manakala watak yang bersifat mazmunah tidak boleh dicontohi dan perlu dijauhi. Suruhan membaca merupakan wahyu pertama diturunkan sebagaimana firman Allah SWT:

أَقْرَأْ بِاسْمِ رَبِّكَ الَّذِي خَلَقَ ۝ خَلَقَ الْإِنْسَانَ مِنْ عَلَقٍ ۝ أَلَمْ يَكُنْ مِنْ عَلَقٍ إِلَّا نَسْنٌ ۝ عَلَّمَ بِالْقَلَمِ ۝ عَلَّمَ الْإِنْسَانَ مَا لَمْ يَعْلَمْ ۝ كَلَّا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَيْطَغِي ۝

Terjemahan : Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Dia menciptakan manusia daripada segumpal darah. Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Mulia. Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan. Dia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya. Sekali-kali tidak! Sesungguhnya, manusia itu benar-benar melampaui batas. (Surah al-Alaq: 1-6)

Novel Iman Markisa (2002) mengisahkan tentang generasi hebat perkasa, yang buruk busuk. Iman Markisa digarap wataknya seorang pencari kebenaran, yang tekal cekal. Novel ini turut memaparkan tentang penyampaian maklumat daripada Iman Markisa tentang puak yang dibelenggu segala kuasa, yang tidak takut atau bimbang kepada apa-apa kecuali Tuhannya. Novel Iman Markisa adalah kisah perjuangan dan iltizam dalam mengisi makna iman.

Manakala novel Doa Insan Berkasih (2009) mengisahkan Siti Musalmah, selepas kematian ibu, dia tetap berpegang pada pesanan dan nasihat ibunya sebagai penyokong jiwa dan berpegang teguh pada kekuasaan Allah SWT bagi kesejahteraan dirinya dalam menghadapi cabaran hidup. Siti Musalmah menjadikan kitab suci al-Quran sebagai panduan hidup melalui pembacaan dan pemahaman sehari-hari. Seterusnya dia berhijrah ke kota mencari kebahagiaan hidup sehingga menemui Hamzah, lelaki yang mengajarnya mengenal huruf. Ketika berada di kota, datang ujian demi ujian bagi dirinya. Apatah lagi pada saat dia berjaya menemui Hamzah. Menyedari dia diuji dalam masalah yang lebih berat lalu hanya kepada Tuhan dia memohon dan berdoa. Sebagaimana firman Allah SWT:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا ۝ فَإِذَا فَرَغْتَ فَانصَبْ ۝ وَإِلَىٰ رَبِّكَ فَارْغَبْ ۝

Terjemahan: Oleh itu, maka (tetapkanlah kepercayaanmu) bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan, (Sekali lagi ditegaskan): bahawa sesungguhnya tiap-tiap kesukaran disertai kemudahan. Kemudian apabila engkau telah selesai (daripada sesuatu amal soleh), maka bersungguh-sungguhlah engkau berusaha (mengerjakan amal soleh yang lain), Dan kepada Tuhanmu sahaja hendaklah engkau memohon (apa yang engkau gemar dan ingini). (Surah Ash Sharh : 6-8)

Ayat ini memberi semangat untuk selalu berusaha melakukan yang terbaik sesuai aturan dan ketentuanNya. Allah SWT tidak akan meninggalkan hambaNya yang telah melakukan usaha terbaik. Garapan watak dan perwatakan dalam kedua-dua novel tersebut menumpukan unsur-unsur sifat mahmudah (terpuji) dan mazmumah (tercela) yang melahirkan sifat-sifat sakinah kepada khalayak pembaca setelah menerima mesej tarbiah dengan memahami dan menghayati isi karya tersebut.

Didapati juga sikap-sikap *mazmumah* (tercela) terdapat pada watak dalam Novel Iman Markisa pada halaman enam dan sepuluh melalui watak Jusuh Penambang, seorang yang berjambang, liar, suara garau, muka hitam, mata merah dan ditakuti kanak-kanak. Manakala watak dalam novel Doa Insan Berkasih iaitu Pilus Sufian harus dicegah dan menjadi tanggungjawab insan yang beriman menasihati, menegur, melarang, mencegah, memerangi supaya mereka kembali ke pangkal jalan iaitu jalan kebenaran, kebaikan serta kesempurnaan hidup dunia dan akhirat. Keinsafan Pilus Sufian watak protagonis digarap begitu rinci sebagai seorang insan yang diuji dengan kekhilafan diri mengejar kekayaan dunia, diuji sakit, diberi peluang ada hayat dan diberi hidayah untuk bertaubat dan kembali ke pangkal jalan.

## 2. Kajian Literatur

Kajian yang lepas tentang terapi jiwa adalah penumpuan pada cara atau alternatif untuk mengatasi dengan berbagai terapi yang dilakukan. Penumpuan dimensi keagamaan dan hubungan tentang sebab-sebab berlaku depresi mental pesakit yang mendorong pada ketidakserasian hidup dan berakhir dengan gangguan kejiwaan (sakit jiwa). Dapatan kajian tersebut menemui alternatif pemecahan masalah depresi mental melalui kajian keislaman dengan tuntunan akhlak (Zainuddin, 2013).

Manakala Meriam Ismail (2018) menerangkan proses terapi jiwa al-Quran dengan menggunakan kaedah QST sebagai suatu inovasi hasil gabungan terapi kaunseling dengan amalan bacaan ayat al-Quran dan Asma al-Husna. Proses terapi yang digagaskan beliau lebih tertumpu pada latihan dalam kumpulan oleh kaunselor semasa proses kaunseling dijalankan. Selain itu Amina Noor (2017) berkongsi tip-tip merawat kesihatan jiwa seperti amalan bersedekah, koleksi mutiara kata merawat penyakit hati, menerangkan definisi dan perbezaan penyakit jiwa, penyakit hati dan penyakit fizikal. Beliau memperincikan punca penyakit dan amalan-amalan yang baik bagi setiap insan berlandaskan syariat Islam sebagai pencegah penyakit jiwa, penawar dan kesejahteraan jiwa.

Muhaya Mohamad (2017) dalam buku berjudul *Lasik Untuk Jiwa* telah menyentuh mengenai skrip kehidupan setiap insan. Beliau mengajak semua insan merancang kehidupan dengan baik dan beroleh kejayaan di dunia dan akhirat. Beliau juga menganalogikan skrip kehidupan adalah sesuatu yang penting dengan menyarankan bahawa setiap insan boleh tulis apa sahaja yang dicapai dan dengan izin Allah SWT, akan tercapai jika berusaha ke arah tersebut. Selain itu peranan pembikin usaha ke arah kecapaian tujuan hidup ibarat “penulis skrip drama akan menulis skrip, yang dia bayangkan, dia ceritakan dan diberikan watak-watak”. Peranan penulis skrip seterusnya dijayakan persembahan dengan bantuan pengarah, pelakon utama, pelakon sampingan, jurukamera, krew pencahayaan bagi menghasilkan sesebuah drama yang berkualiti dan mempunyai nilai komersial serta menyampaikan mesej berkesan dan bermanfaat kepada khalayak. Dalam konteks kajian karya sastera, pandangan tersebut selari dengan peranan pengkarya atau penulis-penulis karya kreatif bukan sahaja memberi kepuasan, kemenangan dan kebahagiaan kepada diri, bahkan turut menyampaikan mesej berbentuk pendidikan, mengubah pemikiran dan membentuk peradaban insan yang unggul. Hal demikian jelas bahawa terapi jiwa dapat membentuk insan yang sejahtera, bahagia dan selamat.

Kajian bertajuk *Hubungkait Emosi Kasih Dan Kesan Kelegaian Jiwa Dalam Hikayat Gul Bakawali* mengenai keterikatan emosi kasih dengan peristiwa magis yang berupaya meninggalkan kesan kelegaian jiwa kepada khalayak. Kajian tersebut mendapati emosi kasih terhadap isteri mendominasi keseluruhan unsur kasih yang terdapat dalam teks hikayat ini. Mereka merumuskan bahawa unsur emosi kasih terhadap isteri menjadi wadah utama yang mendasari kebanyakan peristiwa. Hal ini bertepatan dengan budaya Melayu yang menganjurkan sifat kasih dan sayang terhadap isteri. Walau bagaimanapun, kajian tersebut hanya berkisar tentang sastera hikayat (klasik) dan tidak menyentuh elemen terapi jiwa dalam karya sastera moden yang berlatar masa dan latar tempat terkini serta tiada pemaparan watak-watak dan perwatakan semasa (Afidatul et.al, 2020).

Manakala Nursham Abdul Aziz (2015) memaparkan kepengarangan pengarang Azizi Hj Abdullah tentang persoalan maruah, psikologi dan kejiwaan golongan warga emas, golongan yang dipimpin dan kepimpinan sebagai wadah yang perlu dititikberatkan. Beliau mengaplikasi elemen perluasan dalam teori intektualiti dan hasil dapatan kajian tersebut didapati pembaca dan pengkarya masing-masing ada persoalan tersendiri. Kedua-dua pihak iaitu pembaca yang kini lebih terbuka dalam berhujah serta terdedah dengan pelbagai cabaran dapat melakukan ‘kunjungan kembali’ terhadap latar tempat dan masyarakat yang mendasari sesebuah karya. Manakala pengarang juga berjaya mengajukan persoalan maruah, psikologi

dan kejiwaan golongan warga emas, golongan yang dipimpin dan kepimpinan sebagai wadah yang perlu dititikberatkan. Kajian tersebut hanya memaparkan psikologi dan kejiwaan golongan warga emas sahaja dan tidak memperincikan watak-watak dan perwatakan secara keseluruhan.

Kamariah (2016) berpandangan kajian-kajian terhadap novel-novel Melayu sewajarnya diangkat menerusi perspektif Islam dalam usaha mengangkat martabat dan nilai Islam dalam masyarakat pada hari ini. Khusus bagi masyarakat sastera yang penulis dan pembacanya rata-rata beragama Islam, nilai Islam dan nilai pendidikan sangat penting dan berkait rapat antara satu sama lain. Kedua-dua nilai ini sewajarnya dijadikan teras utama dalam pengkaryaan agar dapat dihayati dan dipelajari oleh khalayak. Nilai Islam dan pendidikan dilihat sangat penting bagi menumpukan menyampaikan mesej dan pengajaran yang berkesan terhadap masyarakat di negara ini.

Rosnani Ripin (2022) dalam artikel beliau bertajuk : Aminah Mokhtar: Bukan Sekadar Jururawat tetapi Perawat di Kertas menyentuh tentang terapi jiwa boleh dilakukan dengan membaca karya-karya sastera seperti Aminah Mokhtar iaitu novel *Bidadari dan Seteguh Fikrah Solehah* yang boleh dijadikan karya rujukan atau alat terapi jiwa khalayak pembaca. Beliau memaparkan kepengarangan Aminah Mokhtar menjadi perawat di kertas dengan menghasilkan karya-karyanya yang sarat dengan elemen-elemen terapi jiwa pembaca. Ketika dunia ditimpa musibah pandemik Covid-19 bermula 2019, negara kita Malaysia turut terkesan bukan sahaja terjejas aktiviti ekonomi bahkan telah menyebabkan ramai insan mengalami kemurungan, tekanan jiwa, stres, bunuh diri dan seumpamanya. Menyedari hal tersebut, maka kajian ini perlu dijalankan dengan meneliti kepentingan karya-karya sastera berunsur Islam dapat dijadikan sebagai salah satu inisiatif rawatan terapi jiwa kepada semua insan sama ada tekanan jiwa secara zahir atau batin.

### 3. Metodologi

Kajian ini menggunakan kajian kepustakaan dengan menganalisis dan meneliti perbincangan dalam kandungan teks dalam bentuk pendekatan naratif. Fokus kajian tertumpu pada novel *Iman Markisa dan Doa Insan Berkasih* karya Aminah Mokhtar. Kedua-dua karya tersebut adalah novel-novel yang berunsur Islam dan telah memenangi Hadiah Utama Sastera. Kajian ini menggunakan dua kaedah pemerolehan dan menganalisis data.

Pemerolehan data didapati melalui kaedah kepustakaan serta penelitian sumber-sumber, data-data pembacaan, penghayatan, menganalisis dan pengaplikasian berkaitan Teori Takmilah daripada buku-buku dan kertas kerja yang dijalankan di Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Kelantan, Pusat Dokumentasi Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur, Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Za'ba dan Perpustakaan Akademi Pengajian Melayu. Data-data tambahan pula diperolehi melalui sumber carian Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia serta institusi yang berkaitan dengan perbincangan dan pengembangan sastera Melayu.

Manakala kaedah menganalisis data dijalankan melalui analisis teks dengan menggunakan teori Takmilah sebagai landasan kajian. Proses ini dilakukan bagi mengolah maklumat dengan menghuraikan kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau peristiwa bagi mencari makna yang tersirat. Setelah itu, proses membandingkan atau membezakan maklumat yang diperolehi berdasarkan kriteria tertentu. Proses yang ketiga ialah membuat kesimpulan. Proses ini dilakukan bagi membuat keputusan, menerangkan sesuatu perkara serta meramal dan menyokong pernyataan.

### 4. Dapatan Kajian

Penemuan unsur-unsur terapi jiwa pada watak dan perwatakan dalam novel-novel tersebut akan dapat menjadi suntikan jiwa kepada pembaca. Kajian ini mendapati sifat-sifat mahmudah telah menyerlahkan sifat-sifat sakinah (ketenangan) melalui watak-watak dan perwatakan yang digarap oleh Aminah Mokhtar. Bagi mencapai dapatan kajian ini, pengkaji mengaplikasi teori Takmilah pada watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel berjudul Iman Markisa dan novel Doa Insan Berkasih.

Teori Takmilah yang digagaskan oleh Dr Shafie Abu Bakar (1994) dipilih sebagai pendekatan yang tepat dan relevan pengaplikasiannya pada karya-karya berunsur Islam. Antara prinsip-prinsip yang terdapat dalam Teori Takmilah untuk diaplikasikan dengan sumber atau data kajian pada kedua-dua novel tersebut adalah seperti:

- i. Prinsip ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna)
- ii. Prinsip kerasulan sebagai insan kamil (sempurna)
- iii. Prinsip keislaman yang bersifat Akmal (sempurna)
- iv. Prinsip ilmu dengan sastera bersifat takmilah (menyempurnakan)
- v. Prinsip sastera sendiri yang berciri estetik dan bersifat takmilah (sempurna dan menyempurnakan)
- vi. Prinsip pada pengkarya yang seharusnya mengistimakan diri (menyempurnakan)
- vii. Prinsip khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan *kamil* (sempurna)

Berdasarkan penelitian watak dan perwatakan dalam novel Iman Markisa dan Doa Insan Berkasih didapati sikap mahmudah yang terkandung dalam dua karya tersebut menepati semua prinsip teori Takmilah. Terapi jiwa ditemui pada watak dan perwatakan jelas menggambarkan hubungan insan dengan Allah, rasa bertuhan dengan diikuti rasa kehambaan, yakin dengan kekuasaan Allah, percaya kepada Allah, mengabdikan diri kepada Allah, taat kepada Allah, patuh kepada Allah adalah perbuatan atau tindakan yang berupa amalan membawa kepada ketenangan jiwa kepada setiap insan.

Perwatakan yang dimiliki pada watak Markisa dan Siti Masalmah (Doa Insan Berkasih) dengan rasa kehambaan, rasa bertuhan, memahami maksud takdir dan reda dengan ujian yang dialami merupakan hikmah daripada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat tindakan tegas Markisa dengan prinsip dan pegangannya terhadap kepercayaan kepada Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa. Ketaatan Markisa pada perintah Allah SWT ditonjolkan melalui perbahasannya dengan Tuk Moh Leh seorang bomoh di kampung Pantai Kiambang, Terengganu berdasarkan petikan berikut:

*“Semuanya bertentangan dengan syarak. Jangan teruskan. Takut kepada balasan Allah tok moh,”*

*“Saya hanya jalankan perintah Allah. Tok Moh pulanglah. Bersihkan hati dan ingaatlah kepada Allah.”*

Prinsip pertama iaitu ketuhanan yang bersifat kamal (sempurna). Sifat Allah SWT yang Maha Sempurna diterjemahkan melalui unsur-unsur keindahan dan ketenangan *biah solehah* (suasana yang baik) yang digarap oleh penulis dalam novel tersebut. Ini kerana dengan keindahan ciptaan Allah SWT adalah melambangkan kesempurnaan-Nya. Prinsip kedua iaitu kerasulan sebagai insan *kamil* (sempurna). Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil*. Prinsip ini memilih Rasulullah S.A.W. sebagai gagasan teori. Oleh kerana Rasulullah S.A.W merupakan model insan *Kamil* yang wajar dijadikan ikutan kepada seluruh umat manusia.

Dalam Novel Iman Markisa pelukisan watak Iman Markisa yang ditonjolkan memiliki ciri-ciri akhlak yang digariskan dalam Islam. Novel ini juga menerapkan prinsip Islam yang

bersifat Akmal dengan menerapkan nilai-nilai hidup yang berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah dalam kehidupan Iman Markisa dan Siti Masalmah dalam Doa Insan Berkasih. Kedua-dua watak tersebut digambarkan sebagai seorang yang kuat beribadat dan banyak membaca serta mempunyai pengetahuan yang cukup luas tentang agama Islam.

Prinsip kerasulan sebagai insan *Kamil* mempunyai pertalian dengan Rasulullah SAW. Manakala istilah "*Kamal*" bererti sifat Allah yang Maha Sempurna. Tiga konsep ideal keinsanan dalam falsafah pemikiran Islam iaitu Insan *Kamil*, Insan Khalifah dan Insan Rabbani. Insan Khalifah merujuk kepada kemampuan dan kebolehan insan yang dapat menjadi pemimpin, dilihat dalam pelbagai aspek untuk menjadi khalifah seperti berkeperibadian tinggi, berilmu, kepimpinan dan akhlak yang dianggap sempurna sebagai khalifah. Konsep ini amat jelas terserlah pada watak seorang tua berjanggut putih, muka penuh berjambang yang dikenali oleh Agus Salim sebagai Harimau Nan Salapan bercerita tentang perjuangan Islam. Ini dapat diteliti pada petikan berikut:

*"...Harimau Nan Selapan merantau ke seluruh pelosok negeri. Bawa iman, bawa Islam, bawa ajaran sebenar daripada baginda Rasulullah. Tauhidnya tauhid al-Quran, syariatnya syariat al-Quran. Tidak ada tolak ansur hormatkan adat. Adat yang bercanggah khurafat hukumnya. Perlu dikikis sampai dasar-dasarnya daripada terus disimpan menjadi warisan yang dilaknati Tuhan."* (Iman Markisa : halaman 26)

Seterusnya prinsip ketiga ialah Islam yang bersifat Akmal ialah menjelaskan Islam merupakan satu-satunya agama yang diredaiNya dan ia merupakan agama yang sempurna dari segenap aspek. Allah SWT menjelaskan bahawa al-Qur'an itu sendiri menyebut tentang kesempurnaan (*Akmal*) ajaran Islam. Misalnya, melalui karya sastera yang dilahirkan suatu masa nanti akan dapat memupuk masyarakat Islam yang patuh kepada ajaran agama Islam iaitu melaksanakan segala suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Ringkasnya sesebuah karya sastera yang dihasilkan akan membentuk individu, masyarakat dan umat yang mempraktikkan kesyumulan Islam dalam kehidupannya. Melalui prinsip ini ditegaskan bahawa seseorang sasterawan muslim perlulah membawa mesej kesempurnaan Islam kepada pembaca dalam pelbagai aspek kehidupan sekali gus dapat memupuk masyarakat ke arah kemurnian dan kesejahteraan.

Hal ini jelas dapat ditemui daripada penelitian kepengarangan Aminah Mokhtar sebagai pengkarya dengan menjadikan seseorang insan beriman, mengetahui kebenaran Islam, memahami isi kandungan kalamullah, mengamalkannya dan sentiasa menghayati kandungan kalamullah. Sebaliknya kepada insan yang mengamalkan amalan sikap mazmumah yang bergelombang dengan *amal ma'aruf, nahi munkar*. Aminah Mokhtar memaparkan akibat manusia yang ingkar pada ketauhidan kepada Allah SWT dan melanggar hukum syarak akan menerima balasan dan beroleh dosa. Hal tersebut digambarkan dengan kreatif perasaan insan yang bersalah sebagaimana petikan berikut:

*"Tak boleh berjudi. Tak boleh minum arak. Tak boleh menyabung ayam. Tak boleh. Semuanya tak boleh. Semuanya haram. Ingat ini semua undang-undang. Siapa yang langgar, boleh dihukum mati! Suaranya tegas keras. Yang mendengar meremang bulu roma. Yang berjudi terasa ada bom yang meledak dalam jiwa. Yang seronok memabukkan diri, rasa patah kaki patah tangan, patah semua anggota badan. Patah hancur luluh. (Iman Markisa: Halaman 28)*

Konsep sebenar takutkan kemurkaan Allah, berprestasi cemerlang berciri agama, zuhud, warak, tasawuf dan lain-lain yang terpuji yang dimiliki oleh Markisa dan Siti Musalmah. Garapan watak markisa dalam Iman Markisa dan Wan Musalmah dalam novel Doa Insan Berkasih garapan Aminah Mokhtar dapat memberi kesan nilai sifat ketenangan kepada

insan-insan lain. Aminah Mokhtar merawat seseorang insan bukan Sekadar Jururawat tetapi Perawat di Kertas (Ripin, 2022).

Rasa tanggungjawab Aminah Mokhtar sebagai pengkarya kepada pembaca dalam menyampaikan ilmu terapi dengan membimbing, mentarbiah, memberi teladan dan pengajaran melalui ciptaan watak-watak dan perwatakan novelnya. Susulan capaian elemen-elemen tersebut pembaca berjaya mencapai ketenangan jiwa dan minda seterusnya membentuk kedamaian dan kesejahteraan hidup kepada khalayak pembaca yang menikmati karyanya. Dalam setiap bab Novel Doa Insan Berkasih dimulai dengan setiap doa. Pada sama yang sama ia turut mengajak pembaca berdoa dan mengaminkan doa-doa tersebut. Amalan memohon doa kepada Tuhan, Allah SWT adalah punca segala penawar ketenangan. Amalan watak solehah seperti Siti Musalmah yang sentiasa menyerah diri kepada Pencipta dipaparkan dengan amalan doa-doa yang tidak pernah putus dalam pelbagai situasi.

Hubungan sesama insan, saling mengingati, memaafkan, bermuafakat, bersefahaman, hormat menghormati, tolong menolong antara watak-watak dalam novel Iman Markisa terdiri daripada Markisa, Agus Salim, Rustam, Mak Yong dan lain-lain. Watak ni jelas mempunyai sikap-sikap mahmudah yang memberi ketenangan dan sikap-sikap mazmumah yang menimbulkan kekacauan jiwa, kebencian, marah, geram, dendam dan seumpamanya. Demikian juga watak-watak dalam novel Doa Insan Berkasih iaitu Siti Musalmah, Hamzah, Mak Piah, Salmiah, Pak Su Majid, Saidin dan lain-lain dideskripsi begitu jelas watak dan perwatakan masing-masing menepati tahap usia, tahap pendidikan, tahap kesihatan, tahap pengalaman hidup, tahap kemuliaan seseorang di sisi Allah SWT dan lain-lain.

Garapan watak dan perwatakan tersebut menggambarkan pemikiran pengkarya seorang yang sarat dengan sifat simpati dan empati. Bahkan niat pengkarya terjelma pada tingkah laku watak-watak yang dicipta yang bersyukur dengan nikmat anugerah Tuhan. Hal tersebut dengan perintah Allah kepada setiap hamba-Nya sebagaimana firman-Nya dalam Surah Ar Ra'ad ayat 24, menjelaskan Allah SWT mengingatkan keuntungan yang diperoleh seorang hamba yang sabar ketika dilanda kesusahan dan kesulitan. Kesabaran, ikhtiar dan usaha akan memberi kemenangan atau kejayaan dan membentuk seorang muslim yang lebih baik.

سَلِّمْ عَلَيْكُمْ بِمَا صَبَرْتُمْ ۗ فَنِعْمَ عُقْبَى الدَّارِ

Terjemahan : (Memberi hormat dengan berkata): "Selamat sejahteralah kamu berpanjangan, disebabkan kesabaran kamu. Maka amatlah baiknya balasan amal kamu di dunia dahulu. (Surah Ar Ra'ad : 24)

Allah SWT mengingatkan supaya tidak pernah menjauhiNya dalam menjalani kehidupan. Kesulitan yang sedang dialami jangan sampai mengakibatkan manusia jauh dari Allah SWT. Hamba-hambaNya yang mukmin dan muslim hendaklah sentiasa mengingati sehingga mencapai ketenangan. Allah SWT berfirman:

الَّذِينَ ءَامَنُوا وَتَطْمَئِنُّ قُلُوبُهُمْ بِذِكْرِ اللَّهِ أَلَا بِذِكْرِ اللَّهِ تَطْمَئِنُّ الْقُلُوبُ

Terjemahan : (Iaitu) orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah. Ingatlah, hanya dengan mengingati Allah hati menjadi tenteram." (Surah Ar Ra'ad : 28)

Kefahaman ayat-ayat di atas menegaskan pentingnya seorang hamba selalu sabar, berdoa dan melakukan usaha terbaik saat dalam kesulitan. Al-Quran telah menekankan bahawa pembersihan jiwa manusia adalah merupakan matlamat dari berbagai-bagai taklif ibadat. Pembersihan yang dimaksudkan ialah pendidikan yang sebenar, iaitu untuk menyaring kejadian manusia dari segala kudratnya dan meletakkan naluri seluruhnya di bawah kawalan akal yang beriman supaya ia tidak melampaui batas dan menjadi liar. Begitu juga hubungan



dengan alam semesta, alam sekitar, kebersihan, kebebasan atau berbudi kepada bumi, berbudi kepada tumbuh-tumbuhan, berbudi kepada hidupan binatang, haiwan dan serangga. Ketenangan yang tercapai pula disokong oleh sabar dan tolak ansur yang menjadi terapi jiwa bukan sahaja digambarkan melalui perlukisan watak-watak tersebut bahkan turut dirasai dan menyerap ke jiwa pembaca.

Prinsip keempat melihat hubungan sastera dengan ilmu yang mempunyai pertalian dengan diri sendiri khususnya melalui akal dan hati. Keperluan ilmu dengan sastera yang menjadikan teori *Takmilah* sebagai teori yang saling melengkapi iaitu *Takumul*. Akal merupakan alat untuk mencapai keilmuan terhadap ilmu yang bersifat alamiah dan rasional. Manakala, hati adalah saluran ke arah keilmuan rohani yang dikenali sebagai makrifat. Penulis mengangkat ilmu yang bermanfaat dalam menghasilkan sesebuah karya kepada pembaca bahawa ilmu sastera adalah bersifat *Takumul* tentang kesempurnaan yang menyeru manusia kepada kebenaran. Justeru, ilmu dan sastera saling berkaitan antara satu sama lain iaitu bersifat *Takumul*.

Amalan watak Siti Musalmah sentiasa beramal beribadat dengan membaca al-Quran dan solat sunat Dhuha dan Tajahud. Ketenangan yang dinikmati oleh Siti Musalmah dalam bab 19 tersebut digambarkan melalui bacaan doa Siti Musalmah setiap kali selepas Solat Tahajud sebagaimana petikan berikut:

*Tuhan, ujian ini amat berat untuk aku tanggung. Tetapi aku reda kalau ini ujian terbaik untuk aku semakin dekat kepada-Mu. Selama Engkau temankan di di hati sanubariku, aku jadi kuat dan bersemangat untuk terus berlari dan terus berlari di bumi kehidupan yang Engkau berikan kepadaku ini. Engkau Maha Mengetahui untuk berikan apa sahaja ujian yang terbaik untuk menguji imanku. Tetapi aku ini manusia lemah yang sangat mengharap belas kasihan-Mu. Ya Allah berilah pertemuan, walaupun sekejap .Aku terlalu ingin mengucapkan terima kasih kepadanya. Banyak jasanya pada hamba-Mu yang lemah ini. Tuhan, aku ingin berjumpa dia. Berjumla untuk emngucapkan terima kasih. Tuhan, Engkau yang meminjamkan rasa ini, untuk aku mengasihinya. Ampunkalha doasaku, ampunkanlah, ya Allah. Berdosa aku kerana menyimpan dia di dalam hatiku. Tuhan, aku ini hamba-Mu yang lemah, yang selalu megnharapkan adanya insan lain untuk menemani hari-hariku. Terlah Engaku ututkan dia, aku terima denga rasa syukur. Andai Engaku mahu megnambil dia, aku tidak berdaya untuk menahannya. Ampunkalah aku kerana tidak berdaya membuang rasa sedih dan pilu itu! (Doa Insan Berkasih : halaman 222)*

Berdasarkan doa yang dimunajat oleh Siti Muslimah pada petikan tersebut jelas menggambarkan bahawa doa adalah satu terapi jiwa. Siti Musalmah reda, tabah dan sentiasa memohon keampunan kepada Allah dengan kekhilafannya hamba yang lemah tidak dapat membuang perasaan kasihnya kepada Hamzah, walaupun sudah ditakdirkan berpisah.

Prinsip kelima pula melihat sastera yang berciri estetik ini dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan lahiriah dan keindahan maknawi. Manusia memerhati alam untuk mendapat ilham memperlihatkan tahap keperihatinan manusia dan ia diterapkan dalam hasil karya. Lahiriah berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, diksi, nada dan sebagainya. Manakala, maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Justeru, apabila elemen-elemen ini digabung menjadi satu akan menjurus kepada proses penciptaan dan pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna dari aspek dalaman dan luaran.

Prinsip yang keenam ini pula ialah bermaksud pengkarya itu sendiri melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu keIslaman dan ilmu-ilmu yang berhubung dengan sastera iaitu seorang sasterawan muslim seharusnya tergolong dalam golongan yang alim dalam ilmu-ilmu Islam terutama ilmu yang ingin disampaikan kepada khalayak. Ilmu yang dimiliki itu seharusnya secara mendalam dan diterapkan dalam hidupnya sendiri. Selain itu, pengkarya haruslah

menguasai ilmu-ilmu yang berhubung dengan karya secara umum, teori, dan kritikan serta ilmu-ilmu lain dengan demikian akan dapat membantu pengkarya dalam meluaskan pengetahuan tentang kehidupan manusia dan alam. Seterusnya memberi kefahaman kepada diri pengkarya tentang sastra sekaligus dapat membantu pengkarya dalam mengaplikasikannya dalam karya-karya sastra mengikut kesesuaiannya dengan sastra Islam.

Hal ini dapat dilihat pada pelukisan watak dan perwatakan yang dicipta Aminah Mokhtar yang menggambarkan watak zahir dalam kehidupan insan di dunia ini. Watak-watak yang digarap beliau adalah mewakili dirinya sebagai pengkarya atau pembikin karya. Watak Markisa dalam novel Iman Markisa, seorang insan yang beriman digarapkan pelukisan watak dan perwatakannya seorang yang berilmu, memahami, menghayati dengan pengamalan ilmu yang dimiliki. Begitu juga dengan watak Siti Musalmah dalam novel Doa Insan Berkasih digambarkan seorang wanita solehah, beriman dan bertaqwa.

Selain itu, pengkarya juga perlu seorang yang beragama Islam. Sebelum mereka mengajak pembaca menghayati kesyumulan Islam baharulah ia dikatakan sastra Islam yakni sastra yang mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna dari segala aspek. Oleh itu, jika pengarang itu bukan beragama Islam maka ia bukanlah dikategorikan sebagai karya yang berunsur Islam kerana apa yang ditulis mengenai Islam walaupun dia mengangkat martabat Islam sebagai sebuah agama yang sempurna hanyalah dianggap sebagai bersifat lakonan semata-mata.

Pengarang merupakan jururawat minda. Pengarang dapat mengajar cara menyelesaikan masalah secara kreatif, memberi peluang kepada khalayak pembaca menghayati setiap gerak langkah ke arah penyelesaian konflik atau dilema yang dihadapi pada watak-watak. Sebab musabab yang digarap oleh pengarang menjadi panduan kepada pembaca yang baik dijadikan tauladan dan yang buruk dijadikan sempadan. Pengarang dapat mengajar cara penyelesaian masalah secara kreatif, memberi peluang kepada khalayak pembaca menghayati setiap gerak langkah ke arah penyelesaian konflik atau dilema yang dihadapi pada watak-watak. Sebab musabab yang digarap oleh pengarang menjadi panduan kepada pembaca yang baik dijadikan tauladan dan yang buruk dijadikan sempadan.

Hubungan antara khalayak dengan karya sememangnya tidak dapat dipisahkan. Oleh itu, sesebuah karya sastra Islam perlulah berunsurkan pendidikan, dakwah, menanam nilai-nilai tauhid, kekudusan, keagungan Tuhan, jihad, penentangan terhadap kebatilan dan sesuatu yang mengajak ke arah kebaikan. Sebuah karya sastra yang dihasilkan oleh seseorang penulis seharusnya dapat mewujudkan kesedaran, keinsafan dan sebagainya yang diperoleh oleh khalayak daripada karya yang dibaca melalui watak yang paparkan oleh pengkarya ke dalam karyanya. Tuntasnya sebuah karya yang baik adalah karya yang mengamalkan konsep amar makruf, nahi mungkar dan ini merupakan suatu pencapaian tahap kesempurnaan dalam khalayak bagi memupuk diri menjadi insan *Kamil*.

#### **4.1 Analisis Sifat-Sifat Sakinah Pada Novel Iman Markisa Dan Doa Insan Berkasih**

Dalam kajian ini lebih menekankan terapi jiwa melalui penceritaan karya dalam novel Iman Markisa dan Doa Insan Berkasih. Terapi bercerita ialah suatu aktiviti yang digunakan untuk menyampaikan peristiwa perkataan, imej dan suara. Elemen-elemen penting yang terkandung dalam cerita ialah plot, watak dan perwatakan serta nilai-nilai murni dapat mempengaruhi pembaca. Kegunaan cerita untuk terapi ialah cerita menggambarkan hidup emosi dalaman, dan pelbagai pengalaman emosi yang dipaparkan oleh pengarang melalui watak-watak yang digarapkannya.

Bagi mencapai sifat-sifat ketenangan pada seseorang insan memerlukan amalan sikap mahmudah (terpuji) dan menjauhi sikap-sikap *mazmumah* (ercela). Sikap mahmudah yang digarap oleh Aminah Mokhtar seperti sabar, jujur, ikhlas, taat, patuh dan hormat (pada Allah,

kepada ibu bapa, kepada guru, amanah, bersyukur, pemaaf, bertaubat, reda, bertaqwa (beriman, percaya dan yakin pada kekuasaan Allah,) , bertanggungjawab kepada Allah, tanggungjawab sesama insan dan alam telah menumbuhkan rasa tenang dan damai kepada khasnya khalayak pembaca.

Hal tersebut dapat dihubungkan dengan kelahiran watak-watak ciptaan Aminah Mokhtar dalam karya-karya beliau adalah watak-watak teladan dan sempadan dalam kehidupan insan mencapai kesempurnaan berlandaskan al-Quran dan al-Sunnah menepati syariat Islam. Pelukisan watak-watak dalam karya garapan Aminah Mokhtar ibarat beliau bertugas sebagai kaunselor memberi bimbingan dan kaunseling khalayak pembaca dengan ciptaan watak dan perwatakan dalam karyanya. Hal demikian jelas perintah Allah SWT:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

*Terjemahan* : “...Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksaNya”. (Surah Al-Maidah : 2)

Selain tolong menolong, ayat tersebut mengajarkan manusia supaya tidak memiliki rasa dendam. Jika ada yang kesilapan atau kesalahan segera memohon kemaafan dan menjadi pemaaf. Ayat tersebut turut menjelaskan bahawa sikap tidak membalas dendam pada kejahatan orang lain, sama halnya dengan menutup kesalahan orang lain. Gaya bahasa yang digunakan oleh Aminah Mokhtar seperti bahasa seorang kaunselor. Hal demikian menepati pendapat Abdullah Hassan dan Ainon Mohd berkenaan keamatan bahasa sebagaimana berikut:

*Sesuai gaya bahasa itu dikatakan mempunyai ciri-ciri keamatan yang tinggi apabila perkataan dan konsep yang digunakan menyebabkan bangkitnya reaksi emosi yang kuat daripada orang yang mendengarnya.*

Hasil penelitian ini novel Iman Markisa dan Doa Insan Berkasih, karya lain hasil tulisan Aminah Mokhtar seperti Bidadari, Nyala, Diari Seorang Jururawat, Seteguh Fikrah Saleha, Ratap Rabbitah, Ruyung Emas, dan lain-lain lagi bukan hanya sarat dengan sifat-sifat tarbiyah, bahkan sarat dengan sifat-sifat sakinah (ketenangan) yang mampu menjadi tetapi jiwa kepada khayalak pembaca (Ripin, 2017).

Aminah Mokhtar bukan sahaja berkhidmat sebagai jururawat di hospital tetapi beliau turut menjadi jururawat khalayak pembaca melalui karya-karya yang dihasilkan beliau. Keseimbangan watak antagonis dan protagonis yang bersifat *mahmudah* (terpuji) dan *mazmumah* (tercela) oleh penulis Aminah Mokhtar memang menepati realiti kehidupan insan. Karya yang dihasilkan bukan sekadar satu kronologi kehidupan insan bahkan membuka minda insan-insan lain iaitu khayalak pembaca meneroka kehidupan insan lain yang sentiasa diuji iman tetapi pengkongsian pemikiran yang murni ke arah kesejahteraan hidup digarap begitu tertib dan murni meresap ke sanubari pembaca sekali gus memberi ketenangan dan kebahagiaan kepada mereka.

## 5. Kesimpulan

Selain mengangkat karya-karya berunsur Islam, kajian ini dapat menjadikan Teori Takmilah sebagai piawaian karya. Malah Teori Takmilah juga sangat relevan dan unggul sebagai alat kajian kepada para sarjana dan lain-lain memanfaatkan untuk mendapat hasil dapatan yang tepat dan relevan sepanjang zaman. Justeru karya-karya kreatif berunsur Islam menjadi satu keperluan dan sangat relevan menjadi bahan bacaan utama selain al-Quran bahkan boleh dikekalkan sebagai komponen sastera (Komsas) dalam pendidikan di sekolah.

Manakala dalam konteks terapi jiwa pula dapat dicapai melalui pembacaan, pemahaman, penghayatan dan penaakulan seseorang insan yang menjadikan karya sastera

sebagai sebahagian santapan rohani. Karya-karya sastra yang baik, bersifat tarbiyah terutama karya yang berunsur Islam dapat dijadikan terapi kepada khalayak pembaca. Hal ini dapat dikenalpasti bahawa proses terapi tanpa sedar atau secara informal telah berlaku dalam khalayak pembaca.

Karya sastra terutama novel-novel besar yang memenangi hadiah sastra dan yang diiktiraf wajar dijadikan bacaan wajib khas penawar jiwa sehingga berjaya mengubah pemikiran negatif kepada positif khalayak pembaca. Bahkan turut memberi kepuasan dan kemenangan hati pengkarya dengan kejayaannya menunaikan tanggungjawab sebagai pengkarya membentuk pemikiran khalayak pembaca bahkan menjadi doktor atau bomoh terapi jiwa khalayak pembaca. Hal demikian dapat dikatakan bahawa karya sastra adalah cabang terapi informal yang mana menjadikan karya-karya sastra berunsur Islam sebagai kaunselor. Aktiviti kaunseling boleh berlaku secara *informal* iaitu melalui pembacaan, pemahaman dan penghayatan karya-karya sastra tersebut. Firman Allah SWT :

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ ۗ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ ﴿٥٥﴾

Terjemahan : Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan Dia lah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk. (Surah Al-Nahl : 25)

Keterangan ayat suci al-Quran tersebut jelas menerangkan bahawa Islam menganjurkan umatnya supaya menyampaikan maklumat. Maklumat tersebut adalah dengan tujuan membimbing, menegur, menasihati, melarang dan seumpamanya. Cara yang terbaik adalah menggunakan pendekatan berhemah dan berhikmah. Begitu juga tanggungjawab sesama insan dianjurkan dalam Islam supaya umatnya saling bantu membantu dan menjadikan umatnya sentiasa dalam persaudaraan.

## Rujukan

- Al-Quran Al-Karim (Al-Quran Tafsir bil Hadis) (2020), Karya Bestari Sdn Bhd, Cetakan ke 10.
- Afidatul Syazwani Afandi & Norazimah Zakaria & Abdul Halim Ali. (15 Julai, 2020). JMS Volume 3 /2020 Universiti Malaya. *Hubungkait Emosi Kasih dan Kesan Kelegaian Jiwa dalam Hikayat Gul Bakawali*, pp. 242-265.
- Aziz, N. A. (2015). *Novel-Novel Terpilih Karya Azizi Haji Abdullah kajian Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya .
- Bakar, S. A. (September, 1994). Teori Takmilah Bahagian 1 . *Dewan Sastra* , pp. 59-62.
- Ismail, M. (2018). *Terapi Kejiwaan berasaskan Al-Quran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka .
- Kamil, M. A. (2016). *Al-Quran Tafsir Bil hadis*. Selangor: karya Bestari Sdn Bhd.
- Kamus Dewan Edisi keempat (2015), Terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. ISBN: 9789836283399
- Mohamad Amiro Safwan Mohd kamil & Mohd Sofian Mohd Resali. (2010). *Al-Quran Tafsir Bil Hadis Multazam*. Selangor: Karya Bestari Sdn Bhd.
- Mohamad, D. M. (2017). *Lasik Untuk Jiwa*. Selangor: Galeri Ilmu Sdn Bhd.
- Mokhtar, A. (2002). *Iman Markisa*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributor Sdn Bhd.
- Mokhtar, A. (2009). *Doa Insan Berkasih*. Selangor: PTS Litera Utama Sdn Bhd.
- Noor, A. (2017). *Tips Merawat Kesihatan Jiwa*. Selangor: Pustaka Ilmuwan.
- Ripin, R. (ogos, 2022). *Majalah Dewan Sastra . Aminah Mokhtar Bukan Sekadar Jururawat Tetapi Perawat di Kertas*.
- Zainuddin, D. H. (2013). *Terapi Menurut Jiwa Islam*. Univeresiti Islam Negeri Maulana.